

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

ATP301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** soalan. Soalan di **BAHAGIAN A** adalah **WAJIB** dan jawab **EMPAT** soalan di **BAHAGIAN B**.

---

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

---

1. (a) Terangkan keadaan-keadaan di mana sistem pengekosan kerja harus digunakan dan keadaan-keadaan di mana sistem pengekosan proses adalah sesuai. Di dalam sistem manakah istilah 'unit setara' (equivalent unit) adalah relevan. Terangkan pentingnya istilah tersebut dan bagaimanakah ia harus dikirakan.
- (b) Terangkan bagaimana anda akan mengira suatu kadar overhed dikenakan pra tentu. Apakah sebab-sebab utama kadar ini digunakan? Terangkan secara ringkas dua kaedah untuk menghapuskan overhed kilang lebih diserap atau kurang diserap.
- (c) Syarikat MN menjalankan perniagaan percetakan tempahan kerja. Kos overhed kilang diserap pada kadar 50% ke atas kos buruh langsung.

ATP301

Maklumat berikut telah dipetik dari rekod-rekod perakaunan syarikat tersebut bagi bulan September, 1991.

Baki-baki inventori pada 1 September

Buruh langsung	\$ 6,200
Kerja dalam proses	3,600
Kerja siap tetapi belum dicajkan	8,100

Urusniaga-urusniaga sepanjang  
bulan September

Belian bahan mentah	16,000
Keluaran bahan mentah	15,500
Buruh langsung diaayar & dicaj kepada kerja-kerja	16,500
Overhead kilang sebenar	8,900
Kerja-kerja dicajkan (harga invois)	48,500
Belanja-belanja pentadbiran	6,200

Baki-baki inventori pada 30 September

Buruh langsung	6,400
Kerja dalam proses	4,300
Kerja-kerja siap	11,000

Anda dikehendaki menyediakan kepada pihak pengurusan, satu laporan yang menggunakan maklumat di atas untuk menunjukkan kos-kos, untung and maklumat lain yang anda anggap relevan.

[20 markah]

2. (a) Terangkan secara ringkas apa anda faham daripada setiap istilah berikut yang sering digunakan di dalam laporan bahagian:

- (i) Kos bahagian langsung
- (ii) Untung bahagian (atau margin)
- (iii) Pulangan pelaburan
- (iv) Pendapatan sisa.

- (b) Akauntan Tropical Wholesalers Sdn. Bhd. telah menyediakan laporan prestasi berikut untuk dua bahagiannya iaitu Hot dan Wet untuk tahun berakhir 31 Disember, 1990 (angka-angka adalah dalam ribu ringgit).

	Hot	Wet	Jumlah
Jualan	\$1,000	\$ 500	\$1,500
Tolak	---	---	---
Kos berubah	600	300	900
Kos tetap bahagian	200	75	275
Kos tetap ibu pejabat	120	60	180
	-----	-----	-----
	\$ 920	\$ 435	\$1,355
	-----	-----	-----
Untung bersih	80	65	145
	--	--	--
Aset bersih digunakan			
Bahagian	600	300	900
Ibu pejabat	400	200	600
	-----	-----	-----
	1,000	500	1,500
	-----	-----	-----

Asas yang digunakan untuk memperuntukkan kos tetap ibu pejabat dan aset bersih ibu pejabat telah diperuntukan kepada dua bahagian berdasarkan pada jualan masing-masing. Pengarah Urusan Tropical Wholesalers mengatakan bahawa syarikat tersebut memerlukan sekurang-kurangnya pulangan atas aset bersih sebanyak 12%. Ekoran dari ini, beliau risau terhadap 8% pulangan atas pelaburan untuk Hot dan agak puas hati dengan pulangan atas pelaburan sebanyak 13% untuk Wet.

Anda dikehendaki menyemak semula laporan di atas kepada bentuk yang akan menunjukkan dengan lebih jelas prestasi setiap bahagian. Komen secara ringkas prestasi setiap bahagian berdasarkan laporan baru anda.

[20 markah]

BAHAGIAN B

Pilih dan Jawab EMPAT soalan sahaja.

- 3 (a) Terangkan maksud istilah margin sumbangan dan bagaimanakah ia boleh digunakan untuk membantu pengurus membuat keputusan jangka pendek.
- (b) Syarikat AB mengilang dan menjual satu jenis barang. Berikut ialah penyata pendapatan untuk bulan yang baru berakhir di mana ia telah mengeluarkan dan menjual 6,000 unit iaitu pada tahap operasinya yang normal.

Hasil	\$300,000
Tolak: Kos barang dikilangkan dan dijual	
Bahan langsung	\$48,000
Buruh langsung	72,000
Overhead kilang berubah	60,000
Overhead kilang tetap	40,000
	-----
Untung kasar	80,000
Tolak kos jualan & pentadbiran	
Berubah	30,000
Tetap	20,000
	-----
Pendapatan bersih	30,000
	-----

- (i) Anda dikehendaki mengira, berdasarkan angka angka bulanan di atas:
- (A) Margin sumbangan seunit
- (B) Nisbah margin sumbangan
- (C) Titik pulang-modal (dalam unit).

(ii) Pihak pengurusan sedang mempertimbangkan satu cadangan di mana \$15,000 tambahan akan dibelanjakan setiap bulan untuk pengiklanan. Ia diharapkan bahawa tindakan tersebut akan menghasilkan penambahan jualan sehingga 2,000 unit sebulan. Kilang tersebut mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan 10,000 unit sebulan. Untuk cadangan ini, kirakan:

- (A) Titik pulang-modal baru (dalam unit);
- (B) Unit minima yang harus dijual untuk mengekalkan pendapatan bersih bulanan ini pada \$30,000.

[15 markah]

4. (a) Untuk setiap istilah tersebut, anda dikehendaki menerangkan secara ringkas maksudnya serta memberi satu contoh yang senang yang menunjukkan kepentingannya di dalam membuat keputusan pengurusan

- (i) Kos pembezaan (atau tambahan).
- (ii) Kos hangus.
- (iii) Kos melepas.

(a) Syarikat XY kini mengilang satu komponen yang digunakan untuk proses pengeluarannya. Kos seunit untuk 10,000 unit, keperluan bulanannya, adalah seperti berikut:

Bahan langsung	\$ 3
Buruh langsung	15
Overhead kilang berubah	6
Overhead kilang tetap	8

Sebuah syarikat dari luar negeri telah menawarkan untuk membekalkan 10,000 unit komponen tersebut setiap bulan dengan harga \$24 seunit campur \$5 seunit untuk caj-caj pengangkutan. Jika XY menerima tawaran ini, ia dapat menerima \$45,000 setiap bulan dari sewaan ruang kilang

ATP301

yang digunakan untuk mengeluarkan komponen itu. Tambahan pula, Syarikat XY dapat mengurangkan overhead kilang tetap sebanyak \$50,000 sebulan.

Haruskah Syarikat XY membeli komponen dari luar negeri atau haruskah ia meneruskan pengilangan komponen tersebut? Tunjukkan kiraan anda untuk menyokong jawapan anda. Apakah faktor-faktor lain yang XY harus pertimbangkan sebelum membuat keputusan akhir?

[15 markah]

5. (a) Terangkan manfaat yang mungkin diperolehi oleh firma yang menggunakan sistem kawalan belanjawan. Apakah kepentingan mencuba melibatkan kakitangan di dalam proses penyediaan belanjawan?
- (b) Berikut adalah anggaran penyata pendapatan Syarikat OT untuk tiga bulan berakhir 31 Mac, 1992:

Hasil jualan		
Jualan tunai	\$13,000	
Jualan kredit	28,000	41,000
<hr/>		
Tolak kos barang dijual		
Inv. pada 1 Januari	14,000	
Belian kredit	30,000	
<hr/>		
	44,000	
Tolak inv. pada 31 Mac		
	13,000	31,000
<hr/>		
Untung kasar		10,000
Tolak		
Belanja susutnilai	600	
Lain-lain belanja	3,900	4,500
<hr/>		
Pendapatan bersih		5,500
<hr/>		

Pecahan anggaran jualan adalah seperti berikut:

	Jan	Feb	Mac
Jualan tunai	\$4,500	\$3,500	\$5,000
Jualan kredit	8,500	8,000	11,500

Maklumat berikut juga sedia ada:

- Belian boleh diandaikan dibeli sama rata dan dibayar pada bulan selepas belian tersebut. Belian untuk Disember adalah sebanyak \$9,500.
- Belanja-belanja selain dar kos barang dijual dan belanja susutnilai dijangka dibahagikan sama rata dan dibayar secara tunai dalam bulan di mana ia dikenakan.
- Akaun belum terima dari jualan kredit dijangka dibayar 60% pada bulan pertama selepas jualan dan 40% pada bulan kedua. Hutang lapuk telah diperuntukkan untuk angka-angka yang telah diberi di atas. Akaun belum terima pada awal Januari berjumlah \$10,500 di mana \$8,000 dijangka diterima pada bulan Januari dan bakinya pada bulan Februari.
- Dividen berjumlah \$800 mesti dibayar pada Februari.
- Lejer menunjukkan aset "Tunai dalam bank" mempunyai baki \$1,800 pada 1 Januari.

Anda dikehendaki menyediakan suatu belanjawan tunai menunjukkan anggaran penerimaan tunai, anggaran bayaran tunai dan anggaran kedudukan tunai untuk bulan Januari, Februari dan Mac.

[15 markah]

6. (a) Untuk setiap jenis varians yang disenaraikan di bawah beri dua sebab yang mungkin yang menyebabkan variанс merugikan dilaporkan dalam sistem pengekosan piawai:
- (i) Varians kuantiti bahan.
  - (ii) Varians kadar buruh.
  - (iii) Varians belanja overhed berubah.
- (b) Syarikat SM menggunakan sistem pengekosan piawai untuk sebahagian daripada bahagian operasinya. Untuk satu daripada barangnya, kos piawai berikut telah ditetapkan:

Bahan langsung	3 unit pada \$4.80 seunit
Buruh langsung	2 jam pada \$4 sejam
Overhed berubah	\$2.50 setiap jam buruh langsung

Maklumat berikut sedia ada untuk bulan Januari, 1991:

Bahan dibeli (12,000 unit)	\$56,640
Bahan digunakan	11,000 unit
Kos buruh langsung (6950 jam)	\$28,355
Pengeluaran sebenar	3,500 unit
Overhed berubah sebenar	\$17,500

Anda dikehendaki mengira enam varians yang berbeza (dua untuk bahan langsung, dua untuk buruh langsung dan dua untuk overhed berubah) dari kos piawai bulan tersebut. Untuk setiapnya, tandakan sama ada variанс itu menguntungkan (F) atau merugikan (U). Andaikan bahawa belian bahan-bahan adalah tanggungjawab pengurus belian.

[15 markah]

7. (a) Terangkan dengan jelas perbezaan di antara pengekosan serapan dan pengekosan berubah. Tunjukkan bagaimana satu kaedah menyebabkan penilaian inventori yang berbeza dari yang lain. Kenapa terdapat syarikat-syarikat yang menggunakan kedua-dua kaedah?

- (b) Syarikat NL telah menyediakan penyata pendapatan berikut bagi tahun 1990 dengan menggunakan pengekosan berubah:

Jualan (2000 unit @ \$100)	\$200,000
Tolak belanja-belanja berubah	
Kos barang dijual (2000 unit @ \$30)	\$60,000
Belanja jualan (12% dari jualan)	24,000      84,000
	-----
Margin sumbangan	116,000
Tolak belanja-belanja tetap:	
Overhead kilang	50,000
Pentadbiran	30,000      80,000
	-----
Pendapatan bersih	36,000
	-----

Anda juga diberikan maklumat berikut:

Inventori awal	0 unit
Pengeluaran	2,500 unit
Kos bahan langsung	\$10 seunit
Kos buruh langsung	\$16 seunit
Overhead berubah	\$ 4 seunit

Anda dikehendaki menyediakan penyata pendapatan untuk tahun tersebut dengan menggunakan pengekosan serapan.

[15 markah]